

Untuk Siaran Segera

LHDNM/2021/06/20 – 78

HAD MAKSIMUM TRANSAKSI BAYARAN CUKAI PENDAPATAN MELALUI KAEDAH FPX DINAIKKAN

1. Bagi memudahkan pembayar cukai membuat bayaran cukai pendapatan secara dalam talian, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) ingin memaklumkan bahawa had maksimum transaksi bayaran cukai pendapatan menerusi kaedah *Financial Process Exchange* (FPX) akan dinaikkan berkuat kuasa serta-merta.
2. Perubahan had transaksi bayaran adalah seperti berikut:

Transaksi	Had Transaksi Semasa	Had Transaksi Baharu
B2B : Syarikat	RM1,000,000.00	RM100,000,000.00
B2C : Selain Syarikat	RM 30,000.00	RM 500,000.00

3. Had transaksi baharu ini terpakai untuk pembayaran cukai pendapatan melalui medium ByrHASiL yang boleh diakses di portal rasmi LHDNM (www.hasil.gov.my) dan juga melalui perbankan internet setiap bank yang dilantik sebagai ejen kutipan LHDNM.

4. Namun demikian, had transaksi yang boleh dilakukan oleh pembayar cukai masih tertakluk kepada had pengeluaran maksimum yang telah ditetapkan oleh pihak bank (Buyer Banks) kepada mereka.
5. Sehubungan itu, bagi memastikan kelancaran dalam membuat pembayaran cukai menggunakan had transaksi yang baharu ini, pembayar cukai adalah disarankan agar merujuk dan mendapatkan kelulusan had transaksi yang dibenarkan daripada bank masing-masing terlebih dahulu.
6. Sebarang pertanyaan serta maklum balas berkaitan perkara ini boleh dimajukan kepada LHDNM melalui:
 - a) Hasil Care Line di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (Luar Negara);
 - b) HASiL Live Chat; dan
 - c) Borang Maklum Balas di portal rasmi LHDNM di pautan pantas <https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/MaklumBalas/ms-my/>.

#

SEKIAN, TERIMA KASIH

M A L A Y S I A



Dikeluarkan Oleh:
Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

☎ : 03-8313 8888 samb. 21658/21666/21695/21674/21663 | 📠 : 03-8313 7873
Hasil Care Line : 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (luar negara)
Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 20 Jun 2021

/LHDNM



@LHDNMofficial



LHDNM



LhdnTube

Muka surat 2 daripada 2